

13/10/1997

Penduduk Langkawi tetap sokong Mahathir

LANGKAWI, Ahad - Kalangan ahli politik, perniagaan dan persatuan di sini menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata rakyat negeri Kedah memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Dr Mahathir dan berdoa semoga Allah memberi kekuatan dan memanjangkan usia supaya dapat terus berfikir bagi menangani masalah itu.

Dengan doa itu, rakyat di seluruh negara akan terus menikmati kepemimpinan Perdana Menteri yang banyak berbudi terutama kepada penduduk Langkawi, katanya berucap pada majlis sambutan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini.

Ketua Umno Bahagian Langkawi Datuk Abu Bakar Taib berkata Umno bahagian memberi sokongan padu dan sentiasa menyanjung tinggi kepimpinan Dr Mahathir yang menjadi fokus antarabangsa.

Sokongan rakyat Langkawi terhadap Perdana Menteri terbukti apabila lebih 1,000 kakitangan kerajaan, anggota parti komponen Barisan Nasional (BN), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), pertubuhan sukarela dan swasta menyambut beliau sejurus tiba di sini.

(END)